

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

INISIATIF PRIHATIN CIDB DILANJUTKAN BAGI MERINGANKAN BEBAN KONTRAKTOR

Kuala Lumpur, 19 JANUARI 2021: Melihat kepada impak yang dibawa oleh gelombang ketiga wabak COVID-19 khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) membuat keputusan melanjutkan tempoh beberapa Inisiatif Prihatin untuk meringankan beban kontraktor yang ingin membuat pendaftaran atau memperbaharui pendaftaran mereka.

“Pelanjutan ini dilaksanakan susulan daripada maklum balas daripada penggiat industri, termasuk Master Builders Association Malaysia (MBAM) dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) yang mana inisiatif ini masih diperlukan oleh penggiat industri yang terkesan dengan wabak COVID-19 dan PKP yang dilaksanakan pada tahun ini, “ kata Ketua Eksekutif CIDB Malaysia Datuk Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid.

Inisiatif yang dilanjutkan tempoh perlaksanaannya adalah seperti yang berikut;

BIL	PERKARA	INSENTIF
1	Kelonggaran syarat mata CCD	<p>Pengecualian keperluan mata CCD dalam syarat pembaharuan pendaftaran kontraktor adalah dilanjutkan bermula dari 01 Januari ke 31 Mac 2021</p> <p>Bermula dari 01 April 2021, CIDB akan melaksanakan pemotongan keperluan mata CCD kepada 50% bagi pembaharuan pendaftaran kontraktor</p>
2	Pengecualian syarat Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP)	Pengecualian keperluan SKP Pengurusan Bisnes dan Pengurusan Fasiliti dalam syarat pembaharuan pendaftaran kontraktor dilanjutkan dari 1 Januari sehingga 31 Mac 2021

3	Pengecualian Kursus Integriti	Pengecualian Kursus Integriti dalam syarat pendaftaran baru dan pembaharuan pendaftaran kontraktor dilanjutkan dari 1 Januari sehingga 31 Mac 2021.
---	-------------------------------	---

Untuk maklumat lanjut berkenaan industri pembinaan, sila layari laman web www.cidb.gov.my atau hubungi hotline CIDB **03-5567 3300** (Waktu Operasi dari Isnin hingga Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang).

####